CHUA KIM SUAN & YANG LAIN

lwn.

KERAJAAN MALAYSIA & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
ABDUL MALEK AHMAD H
[GUAMAN SIVIL NO. 816-85]
10 SEPTEMBER 1990

TORT: *Kuantum gantirugi - Menentukan pendapatan si-mati - Sumber pendapatan menyalahi undang-undang - Hak menggunakan lesen teksi - Ordinan Lalulintas Jalan 1958, s. 126.*

Semasa hidupnya, si mati mempunyai sumber pendapatan dengan memandu teksi di bawah lesen yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa kepada mendiang bapanya. Lesen tersebut telah dikeluarkan pada 3 Januari 1976 di atas nama bapa si mati yang telah meninggal dunia pada 1977. Selepas tarikh tersebut, si mati pula telah menggunakan lesen itu sehinggalah ia sendiri meninggal dunia pada 1982. Lesen tersebut tamat tempohnya pada 1983.

Yang menjadi isu ialah sama ada pendapatan sedemikian, di mana puncanya melanggar undang-undang, boleh dibenarkan untuk mengira jumlah pendapatan.

Diputuskan:

[1] Seksyen 126 Ordinan Lalulintas Jalan 1958 jelas menyatakan bahawa lesen berkenaan adalah hanya untuk kegunaan pemegangnya sendiri dan adalah menjadi kesalahan untuk memindah atau menyerah hak lesen tersebut kepada orang lain. Walaupun Lembaga Pelesenan boleh membenarkan pemindahannya atas sebab kematian pemegang lesen, tetapi dalam kes ini tidak ada keterangan mengenai perkara tersebut.

[2] Oleh kerana si mati tidak berhak menggunakan lesen berkenaan kerana ini menyalahi undang-undang, pendapatan berkenaan tidak boleh diambil kira untuk menentukan jumlah pendapatan si mati.

[3] Oleh kerana Penolong Kanan Pendaftar telah memberi keputusannya mengenai soal fakta, tidaklah wajar bagi Mahkamah rayuan campur tangan dan mengenepikan keputusan sedemikian.

[Rayuan ditolak dengan kos.]

Kes-kes yang dirujuk:

Kang Bark Teng & Yg. Ln. lwn. Lee Ah Ong [1951] 17 MLJ 44 ***(dirujuk)***
Tan Chooi Thin [p] & Yg. Ln. lwn. Teo Whee Hong [1953] 19 MLJ 203 ***(dirujuk)***
Yaakub Foong lwn. Lai Mun Keong & Lain-lain [1986] CLJ (Rep) 790 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:

Road Traffic Ordinance 1958, s. 126

Bagi pihak plaintif - Gurbachan Singh; T/n. Bachan & Kartar
Bagi pihak defendan - Susila S. Param, Peguam Kanan Persekutuan; Jabatan Peguam Negara

PENGHAKIMAN

Abdul Malek Ahmad H:

Kes ini yang telah difailkan pada 20 Mei 1985 telah ditangguh berkali-kali atas beberapa sebab hinggalah 30 Disember 1989 di mana liabiliti telah dipersetujui oleh defenden-defenden. Perbicaraan kuantum telah ditetapkan di hadapan Penolong Kanan Pendaftar dan selepas beberapa penangguhan dan perbicaraan yang penuh, kes telah diselesaikan dan keputusan telah diberi pada 3 Januari 1991.

Adalah relevan disiarkan semula minit nota keterangan mengenai keputusan yang dicatit oleh Penolong Kanan Pendaftar berkenaan pada tarikh tersebut:

3 Januari 1991 Dalam Kamar

Si mati ada tiga sumber pendapatan. Yew Lee Estate RM6,176.50 setahun atau RM518 sebulan. Yew Lee Seng Kee (M) Sdn. Bhd RM4,225 setahun atau RM325 sebulan. Syarikat Taiping Amusement RM660 setahun atau RM55 sebulan. Sumber pendapatan teksi tidak dikira 'personal to holder'. Mengikut 'income tax assessment', ia menerima RM10,176 setahun atau RM866.79 sebulan.

Loss of expectation of life - RM6,500.

Loss of future earnings:
No of years' purchase - 18 years
(Retirement age - 60).

Pre-trial loss:
From 23 May 1982 to 23 December 1990 - 8 years 7 months.
RM866.79 x 8 years 7 months.
Interest at 8% per annum.

Post-trial loss:
23 May 1982 - 23 December 1990 9 years 5 months
RM866.79 x 9 years 5 months
No interest

Special Damages:

Funeral expenses	RM4,500
Letters of Administration	RM400

Wong Kum Keong v. Yeap Chooi [1987] 1MLJ 290.

Other documents - no receipts.
Costs to the plaintiff.

Mr. Bachan (plaintiff).
Encik Azman (Kerajaan).
(sd) Yap Lai Yue.

Plaintif pertama yang dinamakan telah pun meninggal dunia sebelum perbicaraan dan plaintif kedua yang dinamakan telah merayu terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar seperti berikut:

Notis Rayuan Hakim Dalam Kamar

Ambil perhatian bahawa plaintif yang dinamakan di atas bercadang hendak merayu terhadap keputusan Pendaftar yang diberikan pada 3 Januari 1991 memerintahkan bahawa:

(a) Tidak membenarkan tuntutan untuk pendapatan dengan kadar yang disetujui sebanyak RM1,500 dalam operasi untuk menggunakan kereta sewa (Teksi) di atas alasan iaitu Lesen teksi adalah pemegang diri sendiri (personal to holder). Pendapatan telah dihadkan di atas jumlah yang dinyatakan di dalam Borang Cukai Pendapatan.

Oleh itu, rayuan di hadapan saya hanya tertumpu kepada soal pendapatan RM1,500 sebulan berdasarkan lesen menggunakan kereta sewa yang telah tidak dibenarkan oleh Penolong Kanan Pendaftar kerana beliau hanya telah membenarkan jumlah pendapatan mengikut penilaian cukai pendapatan sebanyak RM866.79 sebulan.

Pada pendapat saya, hanya dua isu berbangkit. Pertamanya ialah sama ada pendapatan yang diterima di mana puncanya melanggar undang-undang boleh dibenarkan untuk mengira jumlah pendapatan. Tidak dinafikan bahawa lesen teksi berkenaan dikeluarkan pada 3 Januari 1976

di atas nama bapa si mati yang telah meninggal dunia pada tahun 1977 dan si mati telah menggunakan lesen tersebut hinggalah beliau sendiri meninggal dunia pada tahun 1982. Lesen tersebut tamat tempohnya pada tahun 1983.

Soalnya ialah sama ada penggunaan lesen tersebut oleh orang yang lain dari pemegang lesen yang dinamakan dibenarkan oleh undang-undang. Seksyen 126 Ordinan Lalulintas Jalan 1958 berbunyi:

> 126.[1] Subject to provisions of subsection (3) of this section, a licence granted under this Part of this Ordinance shall be personal to the holder thereof, and shall not be transferred or assigned. Except with the previous consent of a Licensing Board the holder of such licence may not appoint an agent or attorney for the purpose of exercising any of the rights conferred on the licence holder. The holder of such licence shall not cause or permit any such agent or attorney to exercise any such rights.
>
> [2] Any holder of a licence granted under this Part of this Ordinance who purports to transfer or assign the licence, or causes or permits any other person to use an authorised vehicle or to provide the service authorised in the licence, shall be guilty of an offence and liable on conviction to imprisonment for a term not exceeding six months or to a fine not exceeding two thousand five hundred dollars or to both such imprisonment and fine.
>
> [3] A Licensing Board may in the event of the death, incapacity, bankruptcy or, in the case of a company, liquidation of the holder of such licence, or where a receiver or manager is appointed in relation to the business of the holder of such licence, or where for any reason a Licensing Board is satisfied that it would be unjust not to do so authorise the transfer of such licence.

Seksyen kecil [1] jelas menyatakan bahawa lesen tersebut khas untuk penggunaan persendirian. Ini lebih nyata di seksyen kecil [2] di mana adalah menjadi kesalahan untuk memindah atau menyerah hak lesen tersebut. Di seksyen kecil [3] pula, Lembaga Pelesenan boleh membenarkan pemindahannya atas sebab kematian pemegang lesen tetapi tiada keterangan ini telah dibuat dalam keadaan kes ini.

Mengenai perkara ini, Mahkamah pernah dalam kes *Kang Bark Teng & Yg. Ln. lwn. Lee Ah Ong* [1951] 17 MLJ 44 membenarkan gantirugi kepada waris-waris si mati yang menjalankan perniagaan menjaja daging babi secara haram. Juga, dalam kes *Tan Chooi Thin [p] & Yg. Ln. lwn. Teo Whee Hong* [1953] 19 MLJ 203 waris-waris simati yang mengimport dan mengeksport batu-batu permata yang bercanggah dengan undang-undang kastam juga telah menerima gantirugi dari pendapatan tersebut. Walau bagaimanapun, saya lebih bercenderong kepada keputusan kes *Yaakub Foong lwn. Lai Mun Keong dan Lain-lain* [1986] CLJ (Rep) 790 yang diputuskan tidak lama dahulu dalam tahun 1986, dibandingkan dengan kedua-dua kes tersebut yang didengar pada awal tahun lima puluhan, di mana petikan yang relevan berbunyi:

> Plaintiff's Counsel submits that it is irrelevant for this Court to concern itself as to whether the plaintiff paid tax in Singapore or whether his earnings were in contravention of his work permit.
>
> With respect I am unable to agree.
>
> It is too well established that the plaintiff's pecuniary loss must be computed after taking into account deductions which would have been made on his earnings by way of tax, in cases where his damages will not be subject to tax in his hands. Furthermore, it is well established that *ex turpi causa non oritur actio*. It is no part of a Court's function to compensate a plaintiff for profits which he would have made from an illegal activity had he not been injured. Mr. Jegatheeson has quoted two cases in support of his view. In *Kang Bark Teng & Anor. v. Lee Kwee Lim & Anor*. the Singapore High Court declined to have regard to the fact that

the deceased was an unlicensed pork seller. Notwithstanding that his business was commited in breach of the Municipal Ordinance, the Court nevertheless struck a balance between the alternative possibility of the law being repealed and the law being strictly enforced, that is, in considering the deceased's position from one of stability to one where he could be driven out of business altogether. *Tan Chooi Thin [w] & Anor. v. Teo Whee Hong* is another case where the Court declined to take into account the fact that the deceased was alleged to be deriving some income from private trading by importing and exporting precious stones in contravention of the Customs Legislation. In fact there was no evidence from which the Court could make such a finding but nevertheless Buhagiar J held that even if the allegation was a fact, he did not think that the profits made from that business could be excluded in reckoning the deceased's earnings.

The observation was clearly *obiter*.

The plaintiff is a Malaysian citizen. It must be a matter of concern for this Court that Malaysian nationals should be discouraged from abusing the privileges of host countries when they go abroad. The proximity of Singapore to the Federation must make this observation doubly significiant.

Consequently, I would state it as the view of this Court that if there had been cogent evidence before me as to the precise amount of the tax payable by the plaintiff and of the amount which he had illegally earned in contravention of his work permit, I would have discounted the damages arithmetically due to the plaintiff on both counts.

Oleh itu, pendapat saya ialah oleh kerana si mati dan plaintiff tidak berhak menggunakan lesen berkenaan kerana ini menyalahi undang-undang, mereka tidak berhak kepada pendapatan yang berkenaan.

Isu yang kedua ialah sama ada pendapat Penolong Kanan Pendaftar betul dengan menetapkan jumlah pendapatan berpandukan kepada penilaian cukai pendapatan. Pandangan saya ialah inilah cara sebaik-baiknya dari segi keadilan untuk menentukan jumlah pendapatan bulanan sebenar seseorang kerana penilaian tersebut berasaskan jumlah yang diberi kepada pihak berkenaan oleh pihak yang menerima pendapatan berkenaan dan mengikut undang-undang semua butir-butir yang diberi hendaklah dianggap betul.

Selain daripada itu, isu yang kedua ini melibatkan soal pendapat fakta dan tidaklah wajar bagi Mahkamah rayuan bercampur tangan dan mengenepikan pendapat sedemikian tambah-tambah lagi apabila perbicaraan penuh telah diselesaikan dan Penolong Kanan Pendaftar telah membuat keputusannya berdasarkan penilaian keterangan saksi-saksi yang relevan di hadapannya.

Oleh kerana saya berpendapat Penolong Kanan Pendaftar telah memutuskan mengenai kehilangan pendapatan si mati dengan cara yang betul, rayuan telah ditolak dengan kos.

Also found at [1991] 3 CLJ 2795